

15/01/2004

Landasan baru hadapi cabaran ekonomi global

Mohd Azlan Jaafar

LEBIH 350 kapten dan tokoh industri mendengar hala tuju ekonomi yang disampaikan Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi kelmarin, manakala ramai lagi gagal mendapat tempat berikutan sambutan menggalakkan terhadap dialog anjuran Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN) itu. Amanat Perdana Menteri merangkumi hampir semua isu. Wartawan Berita Harian, MOHD AZLAN JAAFAR, melihat beberapa isu yang bakal membentuk masa depan ekonomi Malaysia. DATUK Seri Abdullah Ahmad Badawi bangun dengan pantas menuju rostrum sebaik Pengarah Eksekutif Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN), Datuk Mustapa Mohamed, habis berucap.

Pertama kali berucap pada majlis dihadiri kapten dan ketua industri, selain profesional, Abdullah dengan yakin menggariskan apa yang bakal menjadi dasar dan hala tuju pentadbiran baru dalam kegiatan ekonomi, walaupun sebelum ini beliau dilihat sebagai seorang ahli diplomatik berbanding pakar ekonomi yang mampu menyelesaikan kerumitan cabaran ekonomi global.

Dalam ucapan selama kira-kira sejam, Abdullah meyakinkan mereka yang hadir bahawa persekitaran ekonomi baru bakal diwujudkan serta menjadi landasan masa depan negara.

Budaya pencapaian nasional, revolusi pendidikan, tender terbuka projek kerajaan, memastikan pelabur tidak menanggung kos tambahan dalam menjalankan perniagaan serta menangani rasuah menjadi agenda nasional dalam merangsang pertumbuhan ekonomi negara.

Beliau menggariskan tiga perkara utama iaitu:

- \* Pencapaian sektor awam - komitmen kepada perbelanjaan fiskal berdisiplin dan meningkatkan sistem penyampaian khidmat;
- \* Pencapaian sektor swasta - komitmen untuk meningkatkan pengeluaran dan daya saing global selain mencari enjin pertumbuhan baru; dan
- \* Pencapaian sumber manusia - komitmen pembangunan sumber manusia (software) dan memperluaskan kehadiran golongan yang berpendidikan.

Kurang 100 hari, tempoh berbulan madu yang sering dikaitkan dengan sebarang pelantikan penting, Abdullah yang juga Menteri Kewangan, sudah menampakkan matlamat pentadbirannya.

Pengumuman rombakan Kabinet, pelantikan Datuk Seri Najib Razak sebagai Timbalan Perdana Menteri dan Tan Sri Nor Mohamed Yakcop sebagai Menteri Kewangan Kedua, menyaksikan populariti Abdullah meningkat.

Pasaran saham memberikan reaksi positif dengan peningkatan tertinggi sejak beberapa tahun. Mereka yang sebelum ini meninggalkan lapangan pelaburan saham hanya melihat dan berharap tidak ketinggalan kapal untuk mengaut keuntungan.

Reaksi pelabur juga positif, manakala petunjuk ekonomi memberikan galakan bahawa tahun Monyet mengikut kalendar Cina melontar banyak kejayaan.

Mungkin keyakinan terhadap dasar ekonomi serta keupayaan Abdullah untuk menerajui bidang ekonomi sebelum ini diragui pihak tertentu kerana pencapaian ekonomi sebelum krisis ekonomi 1997/98, begitu menggalakkan.

Semua ini menjadikan tugas Abdullah menguruskan ekonomi lebih berat pada pandangan mata pihak yang ragu-ragu dengan kemampuannya.

Lebih sebulan lalu seorang pembantu Perdana Menteri yang ditanya mengenai dasar ekonomi yang bakal dilaksanakan hanya berkata, banyak yang sedang difikirkan.

"Pengumuman akan dibuat kemudian. Ketika ini musim perayaan dan sambutan

(Aidilfitri). Pengumuman ekonomi tidak sesuai ketika orang bergembira menyambut perayaan," katanya.

Pelantikan Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan Kedua di kalangan profesional yang tiada jawatan dalam politik adalah permulaan kepada pengumuman penting itu.

Seorang lagi kakitangan pejabat Perdana Menteri berkata, Abdullah harus diberikan masa dan tidak harus dibandingkan dengan pencapaian Tun Dr Mahathir Mohamad.

"Memang tidak dinafikan sumbangan Dr Mahathir selama 22 tahun. Tetapi ketika beliau (Dr Mahathir) mula menjadi Perdana Menteri, masyarakat Cina yang menganggapnya sebagai ultra Melayu, mula mengeluarkan wang mereka daripada negara ini. Tetapi ketika bersara, beliau disayangi masyarakat itu.

"Begitu juga Abdullah. Beliau harus diberikan masa untuk melakukan apa yang perlu," katanya.

Selepas sesi dialog dengan ketua industri, keyakinan terhadap Abdullah dan dasarnya meningkat setakuk lagi. Persepsi ramai yang hadir juga berubah. Ramai yang bersetuju akan keikhlasan Perdana Menteri dalam mewujudkan ekonomi baru negara.

Seorang pengurus di sebuah bank antarabangsa yang dihubungi berkata, selepas bertahun-tahun pertumbuhan ekonomi dan pembangunan pantas, Malaysia perlu berhenti, berfikir dan membetulkan beberapa asas untuk membolehkan-nya maju semula dalam saingan antarabangsa.

"Kita mencatatkan pertumbuhan dan mempunyai rancangan besar, tetapi sumber manusia untuk melihat sehingga ke akhir matlamat tidak mencukupi. Kita mempunyai banyak universiti, tetapi tiada yang bertaraf dunia.

"Masa ini adalah yang terbaik untuk menilai beberapa perkara supaya dalam lonjakan ekonomi seterusnya kita akan setanding dan mempunyai kepakaran seperti negara maju. Kita mesti mempunyai sumber tenaga untuk menterjemahkan pelan besar itu," katanya.

Dalam ucapannya, Abdullah menyentuh mengenai betapa kritikal pembangunan 'software' (sumber manusia) dalam ekonomi baru negara.

Perdana Menteri turut tidak menolak perlunya revolusi pendidikan yang mana menjadikan budaya pencapaian asas dalam pendidikan supaya negara menjadi negara perdagangan sebenar dan bukan pengeluar barangan kelas ketiga.

Bagaimanapun, hasil sebarang revolusi pendidikan akan mengambil masa lama dan langkah sementara ialah membawa pulang pakar tempatan yang berkhidmat di luar negara untuk kembali berkhidmat di negara ini.

Satu lagi isu yang sering mendapat perhatian ialah membasmi rasuah. Banyak pihak menganggapnya sebagai ubat pahit yang perlu ditelan atau dalam kes ini ditangani dengan segera dan berkesan.

Masyarakat peniaga yang selama ini sering merungut mengenai bayaran tambahan terhadap kelulusan projek atau mendapatkan tender, memberikan sokongan padu dalam hal menangani rasuah.

Pegawai bank asing itu berkata, pelabur asing tidak lagi mahu memberikan bayaran seperti itu kerana ia hanya menyebabkan kos mereka meningkat.

"Kos seperti ini tidak dikehendaki pelabur," katanya. Tetapi segelintir daripada lebih 900,000 kakitangan awam merasakan kecaman berulang mengenai gejala rasuah yang dilemparkan terhadap mereka seperti tidak adil dan menggambarkan keseluruhan mekanisme kerajaan boleh dirasuah.

"Ada antara kami berkhidmat dengan jujur dan amanah selama ini. Jadi tidak hairanlah ada yang kecil hati bila dikaitkan dengan rasuah semata-mata," kata seorang kakitangan kerajaan.

Tetapi sukar dinafikan bahawa amalan rasuah itu adalah punca kepada peningkatan kos melakukan perniagaan, sesuatu yang tidak diperlukan terutama apabila saingan negara kini adalah China, India, Thailand,

Vietnam dan Kemboja.

Negara berkenaan kini seperti Malaysia kira-kira 25 tahun lalu. Sumber yang banyak, negara yang luas dan kos tenaga buruh yang hanya satu pertiga daripada apa yang perlu dibayar di negara ini. Jadi kebanyakan industri berteraskan buruh pasti mengalir ke negara terbabit.

Presiden Dewan Perdagangan Malaysia Amerika (Amcham), Datuk Tim Tariq Garland, berkata dasar kerajaan memperbaiki sektor awam dan menghapuskan gejala rasuah disambut baik.

"Ini akan menjadikan kos menjalankan perniagaan di Malaysia lebih rendah," katanya.

Pengarah Urusan YTL Corporation Bhd, Tan Sri Francis Yeoh, berkata keputusan dan dasar diumumkan Abdullah setakat ini memberikan keyakinan kepada ahli perniagaan.

"Beliau memberi penekanan meningkatkan keberkesanan sistem penyampaian sektor awam dan mengambil pendekatan menghapuskan rasuah. Ini memberi keyakinan kepada sektor swasta dan mengurangkan kos melakukan perniagaan di Malaysia," katanya.

Selepas dialog, ada suasana keyakinan di kalangan tokoh korporat mengenai dasar yang digariskan. Abdullah sudah `unveilded' pelan besar kegiatan dan tumpuan ekonomi masa depan.

Seperti pembinaan sebuah rumah, kini tanggungjawab mereka yang berkaitan untuk menyusun bata, memasang tingkap, pintu dan memastikan tiada kebocoran pada genting. Bukan saja masa akan menentukan, malah sudah tiba masa untuk `mereka yang bercakap supaya bikin'.